

1,908 pelajar mendaftar bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda

USIM terima kemasukan tertinggi

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my


SEREMBAN 4 Sept. - Seramai 1,908 pelajar mendaftar bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, jumlah tersebut meliputi 555 pelajar lelaki dan 1,353 (wanita) yang mengikuti pengajian di lapan fakulti pengajian di USIM.

"Ini merupakan bilangan penerimaan tertinggi pelajar oleh USIM dengan mencatat nisbah sebanyak 84.8 peratus dan jumlah kemasukan terbesar sejak penubuhannya.

"Saya amat bersyukur kerana perkembangan ini membuktikan kepercayaan ibu bapa dan pelajar terhadap sistem pendidikan di USIM," katanya ketika berucap pada Majlis Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sempena Hari Taaruf Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2012/2013 USIM di Stadium Tertutup Nilai di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Muhamad menjelaskan, pendaftaran pada Sabtu lalu berjalan lancar dan pihak uni-

 Ini merupakan bilangan penerimaan tertinggi pelajar oleh USIM dengan mencatat nisbah sebanyak 84.8 peratus dan jumlah kemasukan terbesar sejak penubuhannya

PROF. DATUK DR. MUHAMAD MUDA
Naib Canselor USIM

versi berasa bangga kerana berjaya memperbaiki sistem tersebut.

"Saya dimaklumkan bahawa melalui sistem ini, kita hanya mengambil masa selama enam minit bagi mendaftar seorang pelajar.

"Saya juga mendapat maklum balas yang amat positif daripada ibu bapa yang berpendapat ia wajar dilaksanakan oleh sesebuah universiti.

"Inisiatif ini amat selari lebih-lebih lagi bagi sebuah universiti Islam iaitu mementingkan kecekapan dan keberkesanan dalam apa juga kerja



SEBAHAGIAN daripada pelajar mendaftar di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

yang dilaksanakan terutamanya membabitkan sistem pentadbiran," ujarnya.

Sementara itu, pada sesi tersebut USIM buat pertama kali menerima kemasukan 28 pelajar yang men-

daftar untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan kepujian.